

3 MAR 1996

Mahathir-keretapi

MALAYSIA AKAN CEPATKAN USAHA SELARAS KAJIAN WUJUD KERETAPI

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia akan mempercepatkan usaha untuk menyelaraskan kajian mewujudkan rangkaian keretapi merentasi Asia dan menyambungkannya dengan rangkaian keretapi di Eropah.

Katanya, mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) pertama di Bangkok yang berakhir semalam memberi tanggungjawab kepada Malaysia menjadi penyelaras kajian projek itu kerana ASEM tidak ada sekretariat atau badan tertentu melaksanakannya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita sekembalinya dari Bangkok menghadiri mesyuarat dua hari itu yang mengumpulkan 25 ketua kerajaan dari Asia dan Eropah.

Sepuluh ketua kerajaan dari Asia yang menghadirinya ialah tujuh dari negara anggota ASEAN, China, Jepun dan Korea Selatan.

Dr Mahathir berkata tugas menyelaraskan kajian itu dijangka mengambil masa lama memandangkan banyak perkara yang perlu diambil kira seperti jenis keretapi yang hendak digunakan (elektrik atau yang menggunakan bahan api lain) dan kos.

"Projek ini bukan sahaja dari Singapura hingga selatan China tetapi merentasi Eropah. Kita perlu tahu apa yang sudah ada yang boleh digunakan dan apa yang perlu dikaji dan daripada mana ke mana hendak disambung," katanya.

Dr Mahathir juga berkata dia berpuas hati dengan ASEM kerana beberapa cadangan Malaysia turut diterima seperti mewujudkan program Universiti Asia-Eropah.

Katanya, ASEM memberi tumpuan kepada pembangunan dan kerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial yang memberi manfaat kepada kedua-dua rantau.

Turut hadir ialah Pemangku Menteri Luar, Datuk Haji Abu Hassan Omar. --
BERNAMA.

ARA OBA.